

## **TAHAP DISIPLIN PELAJAR SEKOLAH MASA KINI : SATU KAJIAN DI MAAHAD AHMADI TANAH MERAH**

Aminuddin Bin Hehsan & Siti Noor Binti Muhamad  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat persepsi pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan (MATM) terhadap disiplin dan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar MATM terhadap cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan. Seramai 138 orang responden dari kalangan pelajar tingkatan 4 MATM telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi 57 item soalan. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah  $\alpha = .65$ . Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 14 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min data. Dapatan data dipersembahkan dalam bentuk jadual. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji iaitu berkaitan disiplin, faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar dan cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan. Sebagai maklum balas kepada kajian yang dijalankan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan tahap disiplin di sekolah-sekolah. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

**Abstract:** The aims of this study was to carry out a research on the perceptions of Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan (MATM) students towards discipline and also on the factors that influence the declining level of students discipline. Besides that, the purpose of this study is also to identify the perceptions of students from MATM towards the ways to increase the level of students' discipline. In this research, 138 Form 4 students of MATM, were used as the respondents. Asset of questionnaire with 57 questions was used as the research instrument. The value of reliability for this instrument was  $\alpha = .65$ . The data was analyzed using Statistical Package For Social Science (SPSS), software version 14 in order to get the frequency, percentage and the average of data. The findings were presented in the form of tables. From the findings, it was clearly shown that all respondents had given positive perceptions towards discipline, the factor that influenced the declining level of students discipline and also the ways to increase the level of the students discipline. From the research conducted, the researcher had provided several suggestions in order to help in improving the discipline levels in schools. Suggestions for further research were also presented.

*Katakunci:* disiplin, pelajar

### **Pengenalan**

Masalah disiplin mungkin juga boleh disama ertikan dengan salah laku pelajar, keruntuhan akhlak dan sebagainya. Masalah disiplin begitu sinonim dengan golongan remaja atau golongan pelajar sekolah yang sedang mengalami proses menuju ke alam dewasa. Kejayaan sesebuah sekolah sama ada dalam pelbagai bidang akademik atau kokurikulum bergantung kepada pelbagai faktor. Disiplin dikenal pasti antara aspek penting dalam menentukan kejayaan itu, lebih-lebih lagi untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan di semua peringkat. Sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai badan pengajar semata-mata, tetapi ia mempunyai tujuan pendidikan untuk mendidik yang luas. Selain pendedahan pengetahuan dan intelektual kepada pelajar, aspek disiplin merangkumi moral dan sosial pelajar juga harus diberi penekanan.

## **Pernyataan Masalah**

Sejak kebelakangan ini pelbagai cerita tentang isu yang berkaitan tentang masalah disiplin di sekolah telah ditimbulkan seperti pelajar merokok, melawan guru, kurang ajar, ponteng dan sebagainya. Sikap para pelajar sekarang ada yang menjangkau fikiran kita. Masalah disiplin pelajar sekolah bukanlah masalah baru dalam dunia globalisasi dan moden hari ini.

Isu kemerosotan disiplin di kalangan pelajar yang selalu dibicarakan perlu dicari jalan penyelesaian segera. Masalah ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia melibatkan banyak faktor yang boleh mendatangkan kerosakan terutamanya kepada diri remaja, agama dan negara. Tanggungjawab membanteras masalah disiplin pelajar sekolah bukan sahaja tanggungjawab kerajaan malah ia harus dipikul oleh semua pihak. Ini kerana pelajar merupakan aset negara paling berharga yang akan menentukan masa depan masyarakat dan negara. Kegagalan membendung masalah ini sudah pasti memberi gambaran yang kurang baik terhadap masa depan negara.

Memandangkan isu ini serius dan semakin menjadi-jadi, maka pengkaji merasakan satu kajian perlu dijalankan. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji apakah faktor-faktor terjadinya masalah disiplin dan cara untuk mengatasinya di kalangan pelajar sekolah. Ekoran daripada permasalahan yang dibincangkan, pengkaji telah memilih Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan sebagai tempat kajian untuk melihat punca berlakunya masalah disiplin pelajar sekolah agama khususnya dan mencari jalan untuk menyelesaikannya.

## **Objektif**

1. Mengetahui persepsi pelajar terhadap disiplin di sekolah.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin pelajar.
3. Mencari jalan penyelesaian terhadap masalah disiplin.

## **Kepentingan Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan kita dapat mengetahui apakah sebab dan penyelesaian terhadap masalah disiplin sekolah di Malaysia amnya dan khususnya kepada masalah disiplin pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan. Ia juga sebenarnya berperanan sebagai pemberi maklumat tambahan kepada semua pihak.

## **Pentadbiran sekolah**

Dapatan kajian juga membolehkan pihak-pihak tertentu khususnya pentadbiran sekolah mengetahui realiti sebenar yang berlaku di Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan. Ia sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada mereka tahap masalah disiplin. Selain itu, dapatan kajian juga dapat membantu pihak-pihak seperti Badan Disiplin Sekolah, Badan Kaunseling, dan badan-badan lain dalam merangka program yang sesuai dalam masyarakat pelajarnya ke arah membentuk budaya kehidupan yang lebih baik.

## **Ibu Bapa**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi maklum balas kepada ibu bapa tentang keseriusan masalah disiplin. Melalui kajian ini adalah diharapkan para ibu bapa mula menyedari situasi sebenar dan tidak bersikap sambil lewa lagi dalam mendidik anak-anak.

## **Pihak Kerajaan**

Di samping itu juga dapatan kajian juga boleh menjadi maklumat sokongan tambahan dan panduan kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam merangka garis panduan atau meminda polisi pendidikan yang sedia ada bagi mengatasi masalah ini dari terus bercambah.

## **Batasan atau Skop Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan di Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan. Kajian hanya tertumpu di kalangan pelajar tingkatan empat bagi sesi 2009. Hasil daripada kajian ini hanya mewakili pelajar sekolah ini sahaja dan tidak menggambarkan keseluruhan pelajar yang terdapat di Malaysia.

## **Metodologi**

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi bagi kajian ini ialah 197 orang pelajar tingkatan empat sekolah Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan (Pejabat Sekolah MATM, Kelantan, 2009).

Sampel ialah sejumlah individu yang diambil bagi mewakili populasi. Sampel dipilih secara rawak menggunakan pensampelan rawak mudah memilih sampel dari populasi dari senarai yang banyak. Setiap orang mempunyai peluang untuk dipilih (Mohd Najib Ghafar, 2004). Saiz sampel pula adalah sebanyak 138 orang yang ditentukan 70 peratus daripada jumlah populasi. Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi (Mohd Najib Ghafar, 2004).

### **Instrumen Kajian**

Kajian yang dijalankan menggunakan satu set soal selidik. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebasjawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar (Mohammad Najib Ghafar, 2004).

Soalan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A mengandungi item-item demografi seperti jantina, umur, tingkatan, tempat tinggal, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, bilangan ahli keluarga dan sebagainya.

Bahagian B pula mengandungi 45 soalan yang dibahagi kepada 3 bahagian iaitu berkaitan dengan persepsi responden terhadap disiplin, faktor-faktor yang mendorong kemerosotan disiplin pelajar dan cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan.

Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang dibina oleh penyelidik sendiri dan terdapat beberapa item diubah suai daripada penyelidik terdahulu iaitu daripada tesis NurulHuda binti Hashim (2006) yang bertajuk "Persepsi Pelajar Terhadap Disiplin Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 SMKA Arau, perlis."

Responden diminta menyatakan tahap persetujuan berdasarkan lima peringkat yang telah dinyatakan dalam Skala Likert. Penggunaan soal selidik berasaskan Skala Likert dipilih kerana Skala Likert mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kebolehpercayaan soalan. Mohd Najib (1996), sebelum melakukan kajian yang sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji.

Kajian rintis juga dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap arahan dan susunan ayat bagi setiap item. Data yang telah diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan ujian "*Cronbach Alpha*" yang diproses menggunakan perisian komputer SPSS.

Untuk tujuan itu, penyelidik telah menggunakan seramai 20 orang responden dari Sek Men Ugama (Arab) al-Ihsan, Tanah Merah, Kelantan bagi menguji kebolehpercayaan soalan kajian. Nilai alpha yang diperolehi ialah 0.65.

Mengikut Sekaran (1992) di dalam tesis Nabil bin Abdul Latif (1994), "*Cronbach Alpha*" merupakan "*Reliability Analysis*" yang menunjukkan bagaimana sesuaiannya hubungan item-item itu sebagai satu set soalan. Nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah dan perlu dibaiki dan 0.7 adalah pada aras yang boleh diterima. Manakala nilai alpha 0.8 ke atas adalah baik.

## **Perbincangan**

### **Maklumat dan Latar Belakang Pelajar**

Hasil kajian yang telah dianalisis dalam bab empat, penyelidik mendapati bahawa pelajar perempuan melebihi 42 orang daripada pelajar lelaki iaitu 90 orang (65.2%) pelajar perempuan dan 48 orang (34.8%) pelajar lelaki. Penyelidik memasukkan item ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar lelaki dan perempuan mengenai masalah disiplin di sekolah. Selain itu juga jantina mempengaruhi sesuatu keputusan dalam kajian ini kerana ia dapat mengembangkan keputusan kajian agar maklumat diperolehi tepat dan seimbang.

Analisis seterusnya, penyelidik memasukkan item berkaitan dengan kelas responden. Majoriti responden adalah dari tingkatan 4 Makkah, Jeddah, dan Thaif masing-masing seramai 28 orang (20.2%) dan selebihnya dari kelas Madinah dan Riyadh masing-masing seramai 27 orang (19.7%). Kelas tingkatan empat Makkah merupakan kelas yang pertama dan diikuti oleh kelas tingkatan empat Madinah, Jeddah, Thaif dan Riyadh. Penyelidik telah mengedarkan soal selidik kepada responden daripada semua kelas tingkatan empat. Hal ini menunjukkan bahawa, responden kajian ini adalah dari pelbagai tahap prestasi akademik.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, bilangan adik beradik turut mempengaruhi dalam kajian ini. Kebanyakan responden mempunyai bilangan adik beradik yang sederhana iaitu 4 hingga 6 orang adik beradik seramai 55 orang (39.9%) responden dan 7 hingga 9 adik beradik seramai 43 responden. Melebihi 9 orang adik beradik seramai 9 orang responden. Penyelidik berpendapat bilangan adik beradik juga merupakan salah satu penyebab pelajar menghadapi masalah disiplin di sekolah.

Seterusnya, penyelidik juga menyertakan item yang berkaitan dengan bilangan adik beradik yang mendapat pendidikan di sekolah agama. Hal ini kerana jumlah bilangan adik beradik yang bersekolah agama dapat membantu pelajar berdisiplin dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Mengikut kajian yang dijalankan, majoriti responden mempunyai bilangan adik beradik yang sedikit iaitu 1 hingga 3 orang sahaja yang bersekolah di sekolah agama iaitu seramai 66 orang (48.0%). Manakala seramai 36 orang (26.0%) mempunyai 4 hingga 6 orang, diikuti 31 orang (22.5%) mempunyai 7 hingga 9 orang dan yang

paling sedikit responden ialah mempunyai bilangan adik beradik yang bersekolah agama melebihi 9 orang iaitu seramai 5 orang (3.5%) responden.

Item seterusnya adalah berkaitan dengan pekerjaan bapa dan ibu responden. Analisis menunjukkan majoriti responden mempunyai bapa dan ibu bekerja sendiri iaitu masing-masing sebanyak 49 orang (35.5%) dan 24 orang (17.4%). Manakala bapa yang bekerja di sektor kerajaan juga sebanyak 49 orang (35.5%) dan ibu yang bekerja di sektor ini sebanyak 39 orang (28.3%). Seterusnya, pekerjaan bapa di sektor swasta melebihi jumlah pekerjaan ibu di sektor ini sebanyak 16 orang (11.6%). Lain-lain pekerjaan bapa sebanyak 9 orang (6.5%) dan lain-lain pekerjaan ibu sebanyak 60 orang (43.4%). Ini menggambarkan bahawa, pekerjaan bapa dan ibu responden terdiri daripada pelbagai status ekonomi dan sosial. Hasil dapatan kajian memaparkan bahawa kebanyakan ibu mempunyai masa yang banyak di rumah untuk membesar dan mendidik anak-anak.

Kajian seterusnya untuk melihat taburan responden mengikut pendapatan bapa dan ibu. Kebanyakan responden datang dari ibu bapa yang berpendapatan rendah RM 1000 ke bawah iaitu seramai 54 orang (39.1%) pendapatan bapa dan 50 orang (36.2%) pendapatan ibu. Minoriti responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan melebihi RM3001 ke atas iaitu seramai 14 orang (10.1%) pendapatan bapa dan 5 orang (3.6%) pendapatan ibu. Seterusnya, 37 orang (26.8%) menyatakan pendapatan bapa dan 23 orang (16.7%) menyatakan pendapatan ibu sebanyak RM1001 hingga RM2000. Manakala 33 orang (23.9%) menyatakan pendapatan bapa mereka dan 9 orang (6.5%) menyatakan pendapatan ibu sebanyak RM2001 hingga RM3000. Selebihnya, seramai 51 orang (37%) mengakui bahawa ibu tidak mempunyai pendapatan. Hasil analisis ini berguna untuk melihat kemampuan ibu bapa dan keluarga responden dari segi kewangan.

Selain itu, kajian juga dibuat untuk melihat taburan responden berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Hasil kajian mendapati, majoriti responden mempunyai ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) masing-masing seramai 44 orang (31.9%) responden dan 54 orang (39.1%) responden. Diikuti tahap pendidikan ibu bapa di peringkat universiti masing-masing seramai 34 orang (24.6%) responden dan 36 orang (26.1%) responden. Manakala pendidikan tahap maktab atau politeknik pula seramai 33 orang (23.9%) responden yang mempunyai tahap pendidikan bapa dan seramai 30 orang (21.7%) responden tahap pendidikan ibu. Seterusnya lain-lain tahap pendidikan bapa seramai 15 orang (10.9%) responden dan 30 orang (21.7%) responden lain-lain tahap pendidikan ibu. Hasil analisis ini berguna untuk melihat tahap pendidikan ibu bapa yang juga menjadi faktor kepada disiplin pelajar sekolah.

Pengkaji juga meminta responden menyatakan hubungan ibu bapa mereka. Mengikut hasil kajian, didapati seramai 44 responden (32.9%) ibu bapa mereka telah berpisah dan hanya 90 orang (65.2%) sahaja yang tinggal bersama ibu bapa. Hal ini mungkin merupakan salah satu faktor masalah disiplin pelajar. Dapatan kajian ini turut menyokong penemuan kajian Hargreaves (1979) dalam tesis Khairil bin Mahali (2006) yang menunjukkan kaitan antara ketenangan dan kesejahteraan keluarga dengan masalah disiplin. Kajian mereka mendapati jika keluarga seseorang pelajar berpecah belah atau menghadapi masalah maka ini boleh menyebabkan emosi pelajar menjadi tidak stabil dan seterusnya boleh mengakibatkan pelajar tersebut menimbulkan masalah disiplin di sekolah.

### **Persepsi Pelajar Terhadap Disiplin**

Objektif pertama kajian ini adalah untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap disiplin. Sebanyak 10 item telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap disiplin. Nilai min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 4.07.

Nilai min tertinggi bagi keseluruhan objektif pertama ialah 4.64 di mana pelajar bersetuju bahawa disiplin sekolah amat penting untuk menjamin kesejahteraan pelajar, guru dan sekolah. Hasil analisis mendapati, nilai min yang berada pada tahap sederhana keseluruhan adalah 4.35. Penerangan mengenai peraturan sekolah disebarkan secara terperinci kepada pelajar.

Bagi dapatan min terendah keseluruhan dalam objektif pertama adalah 3.17 iaitu pada item membentuk disiplin secara paksaan adalah lebih berkesan kepada pelajar. Ini menunjukkan bahawa responden beranggapan cara membentuk disiplin yang berkesan mestilah menggunakan pendekatan yang baik dan mudah diterima oleh pelajar. Dapatan ini menyokong pendapat NurulHuda binti Hasyim (2006) yang mengatakan cara terbaik untuk mengatasi masalah disiplin ialah dengan menggunakan cara bimbingan dan tunjuk ajar. Hukuman tidak akan dikenakan melainkan ia merupakan cara yang terakhir.

Analisis bagi min keseluruhan yang diperolehi daripada bahagian ini ialah 4.07 dan berada pada kedudukan skala setuju (3.50-4.49). Ini menunjukkan bahawa objektif pertama kajian iaitu untuk melihat persepsi pelajar terhadap disiplin mendapat respon yang positif.

### **Faktor-Faktor Yang Mendorong Kemerostan Disiplin**

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kemerostan disiplin pelajar. Didapati responden bersetuju dengan faktor-faktor yang telah dinyatakan iaitu diri sendiri, ibu bapa, guru-guru, sekolah dan persekitaran.

Majoriti responden bersetuju bahawa ibu bapa merupakan salah satu dari faktor yang menyumbang kepada kemerostan disiplin seseorang pelajar. Penyelidik mendapati bahawa 91.3% responden bersetuju ibu bapa yang sering menyokong tindakan anak-anak mereka walaupun menyalahi peraturan sekolah boleh mempengaruhi kemerostan disiplin pelajar. Dapatan ini menyokong pendapat Abdullah Sani Yahaya (2005) yang mengatakan pelajar hari ini bersikap keras kepala dan membantah kuasa sekolah kerana mereka tahu mereka mendapat sokongan ibu bapa yang terlalu melindungi mereka. Ibu bapa perlu menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak agar mereka akan sentiasa berdisiplin walau di mana sahaja mereka berada. Item ini disokong oleh 93.4% responden. Keadaan keluarga yang harmoni dapat membentuk disiplin pelajar yang baik. 92.7% responden menyatakan mereka berasa gembira apabila berkumpul bersama ahli keluarga masing-masing.

Faktor diri sendiri juga merupakan salah satu dari faktor yang menyumbang kepada kemerostan disiplin seseorang pelajar. Sebanyak 84.7% responden bersetuju bahawa kesedaran diri sendiri adalah lebih baik dalam membentuk disiplin yang berkesan. Bagi item 12 dan item 15 yang bersifat negatif iaitu pernyataan tentang “Saya memakai pakaian yang menutup aurat kerana terpaksa mematuhi peraturan sekolah” dan “Saya melanggar disiplin sekolah hanyalah suka-suka” mendapat peratusan yang tinggi bagi yang tidak bersetuju sebanyak 81.9% dan 86.2%. Dengan wujudnya kesedaran diri sendiri berbantuan keimanan yang jitu dalam diri pelajar dapat mendorong mereka mematuhi disiplin yang ditetapkan dengan kerelaan diri sendiri. Dapatan ini disokong dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Mariah Ghanib (2002) yang mendapati bahawa faktor utama disiplin di sekolah merosot adalah diri pelajar sendiri.

Faktor seterusnya ialah faktor guru-guru. Daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru turut berperanan dalam membentuk disiplin pelajar. Sebanyak 94.1% responden bersetuju bahawa dengan jalinan hubungan yang erat antara pelajar dan guru dapat melahirkan disiplin yang baik. 84.8% responden bersetuju bahawa guru-guru sering menerapkan nilai-nilai murni setiap kali selepas sesi pembelajaran. Dapatan ini disokong dengan kenyataan Baharudin Ali (1996) di dalam kertas kerja seminar yang bertajuk “Pengaruh Ibu Bapa” yang menyatakan bahawa guru hendaklah bersikap adil serta mempunyai sifat-sifat yang mulia seperti keikhlasan dalam mengajar, kepatuhan, ketaqwaan, berpengetahuan luas,

mudah memberi maaf serta sentiasa mempengaruhi sifat kasih sayang. Dengan sifat-sifat mulia ini peranan guru dalam membentuk dan mendisiplinkan para pelajar akan menjadi lebih mudah. Menurut Che Noraini (1998) guru bolehlah dianggap sebagai pihak kedua yang bertanggungjawab untuk membentuk tingkah laku pelajar selain daripada ibu bapa.

Selain daripada itu, sekolah juga merupakan faktor yang turut berperanan dalam membentuk disiplin pelajar. Sebanyak 94.8% bersetuju bahawa penguatkuasaan peraturan sekolah yang ketat tidak memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan kesalahan disiplin dan 92.0% yang tidak bersetuju dengan kenyataan saya berasa tertekan dengan peraturan sekolah.

Faktor yang terakhir ialah faktor persekitaran. Penyelidik membahagikan faktor persekitaran kepada faktor rakan sebaya dan media massa. Sebanyak 78.9% responden bersetuju bahawa di sekolah, saya berkawan dengan rakan-rakan yang rajin belajar dan mempunyai tingkah laku yang baik dan 78.2% responden memberi jawapan positif kepada item “saya akan menasihati kawan-kawan saya jika mereka melanggar disiplin sekolah”. Menurut Pomeroy et al (1991) dalam Azizi Yahya (2007), remaja ingin dirinya diterima oleh rakan-rakan. Oleh itu mereka sentiasa sanggup melakukan apa sahaja supaya diterima oleh ahli kumpulannya. Manakala sebanyak 66.8% responden bersetuju bahawa “saya selalu terpengaruh dengan budaya negatif di media massa”. Ini menunjukkan bahawa pada masa kini media massa amat penting dalam mempengaruhi kehidupan seseorang pelajar. Mereka yang sering terdedah dengan hiburan tanpa ada sebarang penapisan atau sekatan dapat mendorong mereka ke arah cara hidup yang negatif.

Secara keseluruhannya didapati min yang diperolehi bagi bahagian ini terletak pada kedudukan skala setuju (3.50-4.49) iaitu 3.66. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju dan memberikan respon yang positif terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar sebagaimana yang telah disebutkan oleh penyelidik iaitu faktor ibu bapa, diri sendiri, faktor guru, faktor sekolah dan faktor persekitaran.

### **Cara-Cara Yang Dapat Meningkatkan Tahap Dan Mutu Disiplin Pelajar Dengan Lebih Berkesan**

Obejktif ketiga kajian ini adalah bagi mengenalpasti persepsi pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah terhadap cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan.

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan responden bersetuju bahawa kegiatan kokurikulum mempunyai banyak faedah kepada pelajar. Persetujuan ini dapat dilihat pada dapatan bagi item 43 yang mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 92.7%. Dapatan ini menyokong pendapat Khairani Zanor dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2003) yang menyatakan bahawa apabila menyertai kokurikulum pelajar akan belajar mematuhi peraturan, menghormati pemimpin, berdisiplin dan berdikari. Aktiviti kokurikulum juga dapat mendidik pelajar menjadi lebih bertanggungjawab

Menurut Che Noraini (1998) seorang pelajar cenderung untuk memilih rakan yang mempunyai kecenderungan dan minat yang sama. Rakan-rakan saya sering memberi nasihat yang baik kepada saya. Hal ini dipersetujui oleh responden dengan dapatan pada item 44 yang menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 87.6%. Secara keseluruhannya responden bersetuju dengan cara-cara yang dikemukakan oleh penyelidik dengan min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 3.86.

## **Rumusan**

### **Rumusan Persepsi Pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah Terhadap Disiplin**

Pelajar bersetuju bahawa disiplin ialah latihan supaya boleh mengawal diri sendiri mengikut peraturan yang ditetapkan. Majoriti pelajar mengatakan bahawa kepatuhan kepada peraturan sekolah boleh membentuk pelajar menjadi individu yang bertanggungjawab dan disiplin diadakan untuk mewujudkan suasana yang harmoni di sekolah. Sebahagian besar pelajar berpendapat disiplin sekolah amat penting untuk menjamin kesejahteraan pelajar, guru dan sekolah bahkan mereka bersetuju bahawa penerangan mengenai peraturan sekolah telah disebarkan secara terperinci kepada pelajar. Majoriti pelajar juga berpendapat peraturan sekolah yang sedia ada perlu diubah suai mengikut peredaran semasa tetapi ada juga pelajar yang berpendapat peraturan yang ditetapkan di sekolah adalah sesuai dan tidak mengongkong. Kebanyakan pelajar tidak bersetuju bahawa membentuk disiplin secara paksaan adalah lebih berkesan kepada pelajar sekolah kerana pelajar akan memberontak jika mereka dipaksa melakukan perkara yang mereka tidak suka. Selain itu, ramai pelajar bersetuju bahawa hanya orang yang berdisiplin sahaja boleh berjaya dan sebab itulah pelajar sentiasa berusaha mematuhi peraturan sekolah walaupun peraturan itu tidak rasional.

### **Rumusan Persepsi Pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Pelajar**

Majoriti pelajar bersetuju dengan faktor-faktor kemerosotan disiplin yang telah dikemukakan oleh penyelidik iaitu faktor diri sendiri, faktor keluarga, factor guru-guru, faktor sekolah dan faktor persekitaran.

Pelajar menyatakan ibu bapa merupakan faktor utama kemerosotan disiplin pelajar. Hal ini adalah disebabkan ibu bapa merupakan contoh tauladan bagi tingkah laku anak-anak mereka. Perhubungan yang baik antara ibu bapa dan anak-anak akan dapat menjamin suasana rumah yang tenteram, mesra dan harmonis. Jika keadaan sebaliknya, akan menyebabkan percanggahan sikap antara ibu bapa dengan anakanak dan akan mengakibatkan konflik dalam diri anak-anak.

Di samping itu, faktor diri sendiri juga merupakan penyebab dominan seseorang itu berdisiplin. Majoriti pelajar bersetuju bahawa kesedaran diri pelajar itu sendiri lebih baik dalam membentuk disiplin yang berkesan. Oleh kerana itu, ramai pelajar yang tidak bersetuju memakai pakaian menutup aurat kerana terpaksa mematuhi peraturan sekolah. Dengan wujudnya kesedaran diri sendiri berbantuan keimanan yang jitu dalam diri pelajar dapat mendorong mereka mematuhi disiplin yang ditetapkan dengan kerelaan diri sendiri.

Faktor seterusnya ialah guru. Guru juga memainkan peranan yang penting untuk mendidik pelajar selepas ibu bapa. Oleh sebab itulah hubungan yang erat antara pelajar dan guru dapat melahirkan disiplin yang baik. Di samping itu, guruguru perlu menerapkan nilai-nilai murni setiap kali selepas sesi pembelajaran sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Ramai pelajar yang tidak bersetuju bahawa kurangnya minat dalam belajar menyebabkan mereka melakukan kesalahan disiplin di sekolah.

Selain itu, faktor sekolah turut mempengaruhi disiplin pelajar. Ramai pelajar bersetuju bahawa penguatkuasaan peraturan sekolah yang ketat tidak memberi peluang kepada mereka untuk melakukan kesalahan disiplin. Hal ini kerana kemungkinan mereka bimbang jika kesalahan yang dilakukan dilaporkan kepada keluarga mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak berasa tertekan dengan peraturan yang telah disediakan oleh pihak sekolah. Mereka juga mendapat perhatian yang sama seperti orang lain di sekolah dan menyebabkan mereka tidak mempunyai alasan untuk melanggar disiplin sekolah.



Faktor terakhir ialah persekitaran. Pengaruh rakan-rakan dan media massa juga turut menyumbang peranan dalam memastikan pelajar-pelajar berdisiplin. Pelajar menyatakan mereka berkawan dengan rakan-rakan yang rajin belajar dan mempunyai tingkah laku yang baik. Mereka tidak terpengaruh dengan ajakan daripada rakan sebaya untuk melakukan kesalahan disiplin bahkan menasihati apabila kawan-kawan melanggar peraturan sekolah. Rakan yang mulia mungkin boleh mendorong rakannya mencapai kejayaan serta kebahagiaan di dunia dan akhirat tetapi rakan yang rosak boleh membawa kepada kemusnahan kepada rakannya (Muhammad, 1994). Pelajar juga tidak bersetuju bahawa mereka akan terpengaruh dengan budaya negatif yang disiarkan di media massa. Hal ini kerana mereka mempunyai nilai-nilai pendidikan islam yang tinggi dalam diri mereka.

### **Rumusan Persepsi Pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah Terhadap Cara-Cara Yang Dapat Meningkatkan Tahap Dan Mutu Disiplin Pelajar**

Sebahagian besar pelajar bersetuju bahawa kegiatan kokurikulum mempunyai banyak faedah kepada pelajar dan ia dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar. Oleh itu, pelajar bersedia memikul tanggungjawab apabila dilantik menjadi pengerusi persatuan atau kelab. Guru-guru juga akan mengambil tindakan apabila pelajar tidak menghadiri aktiviti kokurikulum untuk memastikan pelajar tidak terjerbak dengan perkara yang tidak berfaedah. Ada di antara mereka juga berpendapat perhimpunan mingguan sekolah adalah salah satu cara untuk membentuk disiplin pelajar. Pengawas akan mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Dan seterusnya guru disiplin akan menggunakan rotan sekiranya pelajar melakukan kesalahan. Ada juga pelajar bersetuju mengimpikasi peraturan menggantung pelajar daripada persekolahan apabila mereka didapati bersalah melanggar disiplin dapat mengurangkan masalah disiplin sekolah. Penglibatan menyeluruh ibu bapa terhadap program-program di sekolah juga dapat membantu.

### **Rujukan**

- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang: Bentong Pts Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Alizah Binti Sha'ri. (2005). *Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja. Kajian Di Kalangan Pelajar Tingkatan Enam (Stam), Maahad Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Arip Sa'aya (1991). Konsep Disiplin Menurut Perspektif Islam. Dlm. Mustaffa Kamil Ayub. *Generasi Pelajar Pembina Tamadun Abad 21*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Awang Had Salleh (1991). Disiplin: Sebuah Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan. Dlm. Rohaty Mohd. Majzub Et. Al. *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Azizi Yahya. (2007). *Buli*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Azizi Yahya Dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: Terbitan Pts Publication & Distributors Sdn Bhd
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mcgraw-Hill.
- Dato' Dr. Ismail Hj Ibrahim. (1999). *Isu-Isu Semasa Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Istitut Kefahaman Islam Malaysia
- Dr. Amir Mohd Salleh. (1999). *Kajian Gengsterisme Di Sekolah Menengah Harian*, Kementerian Pendidikan Malaysia: Unit Penyelidik Dasar Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidik.

- Duke (1996). *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Elthem Green Comprehensive School (1972) *Discipline In School*; In Turner (Ed) London Ward Lock Educational.
- Ee Ah Meng (2005) *Penilaian Tahap Kecekapan (Ptk) Kompetensi Khusus (Fungsi). Pengurusan Pembelajaran Dan Pengajaran (Kertas 701/02)*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Fadlina Binti Gupran. (2008). *Persepsi Pelajar Terhadap Peraturan Dan Disiplin Di Sekolah Agama Kangkar Pulai*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Ghazali Darulsalam. (1997). *Dinamika Ilmu Akidah Islamiah*. Kuala Lumpur Terbtan Pts Publication & Distributors Sdn Bhd
- Kamaruddin Hj. Husin. (1996). "*Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributirs Sdn Bhd.
- Koh Boh Boon. (1981). *Pendidikan Imbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mariah Ghanib. (2002). *Persepsi Guru-Guru Terhadap Disiplin Dan Peranan Pengetua Dalam Menangani Masalah Disiplin Di Sekolah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Mohamad Dilmi Rosidi. (1999). *Tanggapan Pelajar Terhadap Disiplin*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.